

Warta **102** Konvo

Edisi 13 September 2025

**TIGA SRIKANDI
KEBANGGAAN
MASS COMM UiTM**

**PENGIKTIRAFAN
TERHADAP GRADUAN BUKTI
UiTM DIYAKINI INDUSTRI**

**UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN
BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA**

UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Melaka terus memperkukuh reputasinya di peringkat antarabangsa melalui rangkaian kerjasama strategik dengan universiti luar negara, di samping melahirkan graduan yang bersedia menghadapi cabaran pasaran dunia luar.

Kolaborasi terbaharu bersama Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia dan Father Saturnino Urios University, Filipina membuka ruang pertukaran ilmu, pembangunan akademik sekali gus mengukuhkan jaringan global. Usaha ini bagi memastikan pelajar mendapat pengalaman dari industri antarabangsa seiring dengan dunia pasaran masa kini.

Inisiatif tersebut turut seiring dengan penekanan universiti terhadap peningkatan kemahiran praktikal pelajar. Penyertaan program seperti *Global Issue Paper Presentation* misalnya menjadi tempat buat para

pelajar melatih diri menguasai bidang perancangan strategik, pemasaran antarabangsa serta keselamatan siber dalam perniagaan.

“Alhamdulillah, melalui pelbagai usaha yang telah dijalankan ini, Kadar Bekerja Graduan UiTM menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya, iaitu 92.1 peratus”, ucap beliau dalam Istiadat Konvokesyen ke-102 di Dewan Agung Tuanku Canselor, UiTM.

Pada sidang tersebut turut menyaksikan seramai 994 graduan daripada Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan serta Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media.

“Jangan sesekali lupakan pengorbanan ibu bapa dan keluarga tercinta. Kejayaan anda pada hari ini adalah hasil doa, sokongan, dan kasih sayang mereka yang tidak pernah putus”, pesan beliau.



Pro Canselor
Datuk Haji Abdul Wahab Aziz